



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**KEBERKESANAN KURSUS INDUKSI UMUM KUMPULAN 1,
DI INTAN WILAYAH TIMUR
KEMAMAN TERENGGANU.**

HAJI OMAR BIN SIDEK

FPP 1998 72

KEBERKESANAN KURSUS INDUKSI UMUM KUMPULAN 1,
DI INTAN WILAYAH TIMUR
KEMAMAN TERENGGANU.

HAJI OMAR BIN SIDEK

MASTER SAINS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

1998



KEBERKESANAN KURSUS INDUKSI UMUM KUMPULAN 1,
DI INTAN WILAYAH TIMUR

Oleh

HAJI OMAR BIN SIDEK

Kertas Projek Dikemukakan Untuk Memenuhi Sebahagian
Dari Syarat Ijazah Master Sains (Pembangunan Sumber Manusia)

Jabatan Pendidikan Pengembangan

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia.

1998



Adalah disahkan bahawa saya telah membaca kertas projek ini yang bertajuk Keberkesanan Kursus Induksi Umum Kumpulan 1. Di INTAN Wilayah Timur, Kemaman, Terengganu, oleh Haji Omar bin Sidek dan berpendapat bahawa kertas ini adalah memuaskan dari segi skop, kualiti dan persembahan sebagai memenuhi syarat keperluan Ijazah Master Sains (Pembangunan Sumber Manusia).

Disahkan Oleh



DR. SHAMSUDDIN BIN AHMAD Ed. D


Jabatan Pendidikan Pengembangan

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Penyelia)

Tarikh 24/4/99



PROF. MADYA DR. HJH. MAIMUNAH BT. ISMAIL

Jabatan Pendidikan Pengembangan

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa)

Tarikh..... 28/4/99

PENGHARGAAN

Saya dengan rasa rendah diri memanjatkan kesyukuran kepada Allah s.w.t kerana dengan limpah rahmat dan kurniaanNya, saya dapat menyiapkan kajian ini dengan dengan sempurna seperti yang dirancangkan. Semakin banyak saya membaca, mengkaji dan berbincang semakin berasa kekerdilan diri berhadapan dengan Allah Yang Maha Mengetahui, Mahakuasa dan Bijaksana.

Dikesempatan ini juga saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Shamsudin bin Ahmad, selaku penyelia kajian ini yang tidak jemu-jemu memberi bimbingan, panduan, galakan, tunjukajar serta kerjasama yang amat berharga sepanjang kajian ini dijalankan. Penghargaan juga tidak dilupakan untuk semua pensyarah Universiti Putra Malaysia yang terlibat dalam mengajar kursus-kursus bagi Program Sarjana Sains (Pembangunan Sumber Manusia) dimana mereka sentiasa bersedia memberi tunjukajar dan kerjasama yang amat baik semasa kerja-kerja kajian ini dijalankan.

Ucapan terima kasih yang tinggi dirakamkan kepada pihak pengurusan INTAN dan Jabatan Perkhidmatan Awam kerana telah memilih pengkaji mengikuti pengajian ini. Di samping itu sokongan dan kerjasama pegawai dan kakitangan INTAN Wilayah Timur khususnya Pengarah Wilayah banyak memberi dorongan semasa menyiapkan kajian ini serta semasa pengajian keseluruhannya.

Kepada Ibu yang dikasihi, Fatimah Deris dan isteri tercinta, Zainun bt. Mohd serta Semua anak-anak tersayang, M. Firdaus, M. Fadlirahman, M. Fasyanudein, M. Sazwan, Noor Najihah Haromei, Noor Syakirah dan M. Hadihakimi bahawa kalian telah menjadi *qurratu A'yun* dan pendorong serta sumber inspirasi yang kuat sepanjang pengajian saya.

Kepada Allah saya amat bersyukur kerana telah memberi Hidayah dan segala-galanya sehingga memungkinkan kajian dan pengajian ini dapat diselesaikan dengan sempurna. KepadaNya juga dipohon pembalasan di atas segala jasa, pertolongan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan pengajian ini.

Amin.

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	iii
ISI KANDUNGAN.....	v
SENARAI JADUAL	vii
ABSTRAK	viii
ABSTRACT.....	x
BAB	
I. PENDAHULUAN	
Latar belakang	1
Keberkesanan	7
Pernyataan Masalah	9
Objektif Kajian	10
Skop Kajian	11
Limitasi	12
Andaian	13
Kepentingan Kajian	14
Definisi Istilah	16
II. SOROTAN LITERATUR	
Pendahuluan	20
Pengertian Latihan	20
Perancangan Projek Latihan	22
Penilaian Latihan	22
Penilaian Keberkesanan Latihan	25
Keperluan dan Kepentingan Penilaian Latihan.....	26
Masalah Dalam Penilaian Latihan	28
Kajian Mengenai Penilaian Latihan.....	30
Kandungan Kursus Induksi 1997.....	35
Kesimpulan	38



III. METODOLOGI

Pendahuluan.....	39
Rekabentuk Kajian.....	39
Populasi Kajian.....	41
Sampel Kajian.....	42
Instrumen Kajian.....	43
Prauji Soalselidik.....	46
Pengumpulan Data.....	48
Analisis Data.....	49

IV PENEMUAN KAJIAN

Pendahuluan.....	51
Latarbelakang Responden.....	51
Tahap Pencapaian Objektif Latihan.....	57
Perbandingan Tahap Keberkesanan Objektif Kursus Antara Dua Kumpulan Responden.....	59
Tahap Pembelajaran Yang diperolehi Oleh Responden.....	60
Keberkesanan Kursus Dari Aspek Metodologi, Modul Persekitaran dan Fasilitator.....	62
Peningkatan Prestasi Kerja Berbanding Dengan Sebelum Kursus.....	71
Cadangan Peserta.....	72

V RINGKASAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

Pendahuluan.....	75
Ringkasan.....	75
Objektif Kajian.....	77
Metodologi Kajian.....	77
Penemuan.....	79
Kesimpulan.....	81
Pencapaian Objektif.....	81
Keberkesanan Objektif Mengikut Kumpulan.....	84
Kesan Dari Segi Pembelajaran.....	85
Faktor Metodologi, Modul, Persekitaran, dan Fasilitator Mempengaruhi Pencapaian Objektif Kursus.....	88
Kesan Kursus Kepada Prestasi Kerja.....	92
Cadangan.....	95
Cadangan Untuk Amalan.....	95
Cadangan Untuk Kajian Akan Datang.....	98
RUJUKAN.....	99
LAMPIRAN.....	103

SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1	Contoh perbelanjaan Kursus Induksi Oleh Agensi Selain Daripada INTAN	4
2	Reliabiliti Koefisiensi Ke atas Beberapa Angkubah	48
3	Taburan Responden Mengikut Umur	52
4	Taburan Responden Mengikut Gred Jawatan	53
5	Taburan Responden Mengikut Kelayakan Akademik	54
6	Taburan Responden Mengikut Tempoh Perkhidmatan	55
7	Taburan Responden Mengikut Jabatan	56
8	Tahap Keberkesanan Objektif Kursus	58
9	Perbandingan Tahap Keberkesanan Objektif antara Dua Kumpulan Responden	59
10	Tahap Pembelajaran Yang Diperolehi Oleh Responden	61
11	Keberkesanan Kursus Dari Aspek Metodologi, Modul, Persekitaran dan Fasilitator	63
12	Keberkesanan Metodologi	64
13	Keberkesanan Modul	65
14	Keberkesanan Persekitaran	67
15	Keberkesanan Fasilitator	69
16	Peningkatan Prestasi Kerja Berbanding Dengan Sebelum Kursus	71



**Abstrak projek penyelidikan yang dikemukakan kepada
Jabatan Pendidikan Pengembangan, Fakulti pengajian pendidikan,
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada
keperluan untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Sains (PSM)**

**KEBERKESANAN KURSUS INDUKSI UMUM KUMPULAN 1,
DI INTAN WILAYAH TIMUR**

Oleh

OMAR BIN SIDEK

April 1999

Penyelia : Dr. Shamsuddin bin Ahmad

Jabatan : Pendidikan Pengembangan

Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan Kursus Induksi Umum, Kumpulan I yang dianjurkan oleh INTAN Wilayah Timur, Chukai, Kemaman, Terengganu pada tahun 1997. Aspek yang akan ditumpukan dalam penilaian tersebut ialah dari segi pencapaian objektif kursus secara menyeluruh dan secara perbandingan diantara Kumpulan Pengurusan dan Profesional dengan Kumpulan Sokongan dalam Gred 5 dan 6 serta Gred-gred lain yang setaraf dengan Kumpulan B. Kajian ini juga akan mengukur tahap pembelajaran yang diperolehi serta tahap peningkatan prestasi peserta selepas menghadiri kursus ini. Disamping itu juga kajian ini akan menilai keberkesanan metodologi latihan, modul, persekitaran dan fasilitator yang terlibat.

Seramai 95 orang peserta yang pernah menghadiri kursus telah dipilih secara persampelan rawak strata, bagi memastikan responden yang dipilih dapat mewakili kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Sokongan dalam Gred 5 dan 6



serta Gred-gred lain yang setaraf dengan Kumpulan B. Borang soal selidik diedar dan dikembalikan dalam satu seminar yang dirancang khusus untuk penilaian keberkesanan kursus ini. Semua data yang dikumpul telah diproses secara manual untuk mendapat peratus keberkesanan, purata pencapaian dan ujian 'chi-square' dilakukan untuk melihat perbezaan pencapaian objektif antara Pegawai dari Kumpulan Pengurusan & Profesional dari Kumpulan Sokongan dalam Gred 5 dan 6 serta Gred-gred lain yang setaraf dengan Kumpulan B.

Kajian ini mendapati semua objektif kursus telah dicapai dengan tahap berkesan, kecuali objektif yang berkaitan dengan kaedah pengurusan yang mencapai tahap keberkesanan sederhana. Didapati tahap keberkesanan tersebut tidak berbeza di antara kedua-dua kumpulan pegawai yang dikaji. Di samping itu lebih daripada 60 peratus responden masih mengingati pembelajaran yang diajar dalam kursus dan mereka dapat menjawab soalan dengan tepat.

Kajian ini juga mendapati metodologi yang digunakan, modul yang digunapakai, persekitaran Kampus Wilayah Timur dan kemampuan para fasilitator yang terlibat adalah berada ditahap yang berkesan dan boleh dibanggakan. Sebahagian besar daripada responden mengakui bahawa prestasi kerja mereka telah mengalami peningkatan selepas menghadiri kursus induksi. Mereka memperakui bahawa kursus ini patut diteruskan dengan membuat beberapa pembaikan sesuai dengan perubahan masa dan keadaan bagi menjamin kualiti kursus.

**Abstract of a research project submitted to the
Department of Extension Education, Faculty of Educational Studies,
Universiti Putra Malaysia as partial fulfillment of the
requirements for the Degree of Masters of Science (HRD)**

**THE IMPACT OF THE GENERAL INDUCTION COURSE GROUP 1
AT THE INTAN EASTERN REGIONAL CAMPUS**

By

OMAR BIN SIDEK

April 1999

Supervisor : Dr. Shamsuddin bin Ahmad
Faculty : Extension Education

The aim of this study is to evaluate the impact of the General Induction Course, Group 1, organised by INTAN Eastern Regional Campus, Chukai, Kemaman, Terengganu in 1997. Aspects stressed in this evaluation is the attainment of the whole objective of the course as well as a comparative study between the management and the Professional and Supportive Group in Grade 5 and Grade 6, or equivalent. This study also to measure the stages of learning as well as the elevated performance sustained by the participants after undergoing such a course besides evaluating the impact of training methodology, module, environment, and facilitators involved.

A total 95 participants who attended the course were chosen with a stratified random sampling. They represented both the Management and Professional Group, as well as the Supportive Group in Grade 5 and Grade 6 or the equivalent. Questionnaires were distributed and returned in a seminar specially designed to evaluate the impact of the course. All data gathered were manually processed to obtain the percentage of the impact, the average achievements and chi square to evaluate the attainment of the objective between the Management and the Professional and Supportive Group in Grade 5 and Grade 6 or equivalent comparatively .

The study found that all objectives of the course except the objective of the management methods, have reached its objectives. It is found that the degree of the impact on both groups are similar and equivalent. More than 60% of the respondents were still able to recall subjects that were being taught during the course and could even answer the questions posed, correctly.

The study also found that the methodology used during the course, modules that were presented, the environment of the Eastern Regional Campus and the capacities and capabilities of the facilitators were at its helm and should be proud of. A majority of the respondents agreed that their working performance had improved after undergoing the said induction course. They attested that the course should be continued with several changes for the betterment and to assure its quality.

BAB 1

PENDAHULUAN

Latarbelakang

INTAN Kampus Wilayah Timur merupakan salah satu daripada kampus cawangan Institut Tadbiran Awam Malaysia. Institusi ini bertanggung jawab menganjurkan pelbagai kursus kepada anggota Perkhidmatan Awam di Wilayah Timur iaitu Negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan. Pada tahun 1997 Kampus ini telah menganjurkan 110 kursus melibatkan peserta seramai 4,133 orang. Bagi menjayakan kursus-kursus tersebut Kerajaan telah membelanjakan lebih dari 3 juta ringgit. Di antara kursus-kursus yang terlibat ialah seperti kursus 'Total Quality Management', ISO 9000, Pekeliling-pekeling Perkhidmatan Awam, Pentadbiran Islam, Kursus-kursus Kewangan, Kursus Induksi Kumpulan 1 dan Kursus Induksi Kumpulan II.

Kursus Induksi Umum Kumpulan 1 adalah merupakan satu kursus yang diwajibkan oleh Kerajaan semenjak tahun 1992. Mengikut surat Pekeliling Perkhidmatan bilangan 2 Tahun 1992 mengenai Kursus Induksi di bawah Sistem Saraan Baru (SSB) telah mensyaratkan semua anggota Perkhidmatan Awam yang dilantik dan dinaikkan pangkat secara lantikan pada atau selepas 1 Januari 1992 dikehendaki mengikuti Kursus Induksi dengan jayanya sebagai salah satu syarat. Perkhidmatan Awam yang mengikuti Kursus Modul Umum telah dibahagikan kepada tiga kumpulan seperti berikut:

Kumpulan 1: Anggota-anggota Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan anggota-anggota Kumpulan Sokongan dalam Gred 5, 6 dan Gred-gred lain yang setaraf dengan Kumpulan B;

Kumpulan 11: Anggota-anggota Kumpulan Sokongan dalam Gred 7, 8, 9, 10, 11, 12, 14, 15 dan 16 (yang setaraf dengan Kumpulan C dan D) dan

Kumpulan 111: Anggota-anggota Kumpulan Sokongan dan Gred K2, K3, K7, K10, dan R11 (yang setaraf dengan Kumpulan Mahir, Separuh Mahir dan Tidak Mahir).

Kursus Induksi yang disyaratkan kepada anggota perkhidmatan awam dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Sokongan dalam Gred 5 dan 6 serta Gred-gred lain yang setaraf dengan Kumpulan B adalah menggantikan syarat lulus Peperiksaan Am Kerajaan. Sementara kursus induksi yang disyaratkan kepada anggota-anggota dalam Kumpulan Sokongan yang lain adalah merupakan syarat baru yang perlu dipenuhi oleh anggota berkenaan.

Objektif pelaksanaan Kursus Induksi ini dapat disimpulkan seperti di bawah:

1. Untuk memberi pendedahan yang sama kepada semua anggota dalam perkhidmatan awam mengenai sejarah negara, dasar utama kerajaan, rancangan dan program pembangunan negara;
2. Untuk memberi penjelasan tentang sistem pentadbiran, prosedur-prosedur utama, arahan-arahan dan pekeliling-pekeliling serta panduan-panduan kerajaan;
3. Untuk memberi kefahaman mengenai kaedah pengurusan serta keperluan-keperluan asas dan khusus bagi satu-satu perkhidmatan dan agensi.
4. Memberi pengetahuan mengenai aspek-aspek pengurusan organisasi; dan
5. Untuk memupuk nilai dan etika kerja cemerlang di kalangan anggota dalam perkhidmatan awam.

Semenjak Arahan mengendalikan kursus induksi ini dikeluarkan pada tahun 1992 hingga akhir tahun 1997, INTAN Malaysia telah melaksanakan kursus Induksi dengan melibatkan 9,626 orang peserta iaitu 5,394 orang peserta bagi Kumpulan I, 4,156 orang peserta untuk Kumpulan II, 36 orang peserta untuk Kumpulan III.

Daripada jumlah tersebut, INTAN Kampus Wilayah Timur telah mengendalikan kursus untuk 1,655 orang peserta iaitu 875 orang peserta Kumpulan 1 dan 780 orang peserta dari Kumpulan 11. Bagi tahun 1997 INTAN Kampus Wilayah Timur telah memberi kursus Induksi kepada 433 orang peserta iaitu 246 orang peserta dari Kumpulan 1 dan 187 orang peserta dari Kumpulan 11.

Kerajaan telah membelanjakan peruntukan yang besar bagi mengendalikan kursus induksi . Sebagai contoh INTAN Malaysia sehingga kini telah membelanjakan lebih daripada 2.7 juta. Begitu juga kementerian dan agensi lain yang mengendalikan kursus induksi telah membelanjakan peruntukan yang banyak. Malahan mereka memperuntukkan peruntukan yang lebih besar daripada INTAN kerana mereka tidak mempunyai pusat latihan sendiri di mana mereka terpaksa menyewa hotel–hotel dan tempat-tempat latihan yang kadar penyewaannya agak besar. Di samping itu penglibatan pegawai yang ramai dalam mengendali dan memberi ceramah kepada peserta-peserta kursus di mana mereka terpaksa meninggalkan tugas asas mereka. Malahan peserta-peserta sendiri terpaksa meninggalkan pejabat dalam tempoh yang panjang iaitu lebih kurang tiga minggu untuk memenuhi kehendak kursus. Sebagai contoh di bawah ini diperturunkan Jadual 1 yang menunjukkan beberapa fakta perbelanjaan yang telah dilakukan untuk menjayakan satu sesi kursus induksi Kumpulan 1 :

Jadual 1
Contoh Perbelanjaan Kursus Induksi
Oleh Agensi Selain dari INTAN

Kementerian/Jab.	Tarikh/peserta	Tempat	Kos (\$)
Kem. Penerangan	3.7.97-27.7.97 (73 peserta)	P. Dickson	139,403.00
Kem. Kerja Raya	4.8.97-30.8.97 (40 peserta)	Concorde Hotel	77,877.00
Jab. Audit Negara	6.10.97-25.10.97 (67peserta)	Tabong Haji Kelana Jaya	108,844.00
Jumlah	180 peserta		326,224.00

Memandangkan kepada pengorbanan Kerajaan yang besar samada dari segi kewangan, tenaga dan masa maka sudah tentu kita ingin melihat faedah atau hasil yang telah dan akan diperolehi. Sehingga kini belum ada kajian yang dibuat untuk menilai sejauhmana kursus-kursus tersebut telah memberi hasil atau faedah kepada organisasi atau sekurang-kurangnya kepada pegawai-pegawai yang terlibat. Dalam ertikata lain setelah lebih dari lima tahun INTAN Wilayah Timur mengendalikan

kursus Induksi kita perlu mengetahui keberkesanan kursus, khususnya sejauh mana peserta-peserta memperoleh ilmu kemahiran dan perubahan sikap selepas balik daripada menghadiri kursus induksi.

Terdapat dua kategori penjawat awam yang mengikuti kursus induksi kumpulan 1 iaitu Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan dari Kumpulan sokongan gred 5 dan 6 serta Gred-gred lain yang setaraf dengan Kumpulan B. Sementara itu dikalangan mereka ini ada yang baru sahaja dilantik dan ada pula yang telah lama berkhidmat dan memperoleh jawatan sekarang ini melalui kenaikan pangkat secara lantikan. Lantaran itu terdapat banyak perbezaan di antara mereka samada dari segi umur, latarbelakang akademik, pengalaman pekerjaan dan status kekeluargaan. Perbezaan-perbezaan ini sudah tentu akan memberi kesan yang berlainan apabila mereka mengikuti kursus induksi yang mempunyai kurikulum, ko-kurikulum, kaedah pembelajaran dan sebagainya yang dibentuk dan dilaksanakan dengan kaedah yang sama. Sehingga kini pihak penganjur tidak mempunyai data dan maklumat yang lengkap samada kursus ini telah memberi kesan kepada semua peringkat peserta atau cuma memberi faedah kepada kumpulan tertentu sahaja atau kursus induksi ini tidak memberi apa-apa kesan kepada semua peringkat peserta.

Keberkesanan sesuatu kursus bergantung kepada banyak faktor, seperti kandungan kurikulum, pemilihan aktiviti ko-kurikulum, tenaga pengajar atau fasilitator yang terlibat, matapelajaran yang dipilih, tempat pembelajaran, bahan rujukan, kaedah pembelajaran, alat pandang dengar yang digunakan dan sebagainya. Sehingga kini pihak penganjur tidak mengetahui dengan tepat kekuatan atau

kelemahan faktor-faktor yang tersebut di atas ujud atau tidak dalam pelaksanaan kursus induksi.

Objektif kursus induksi seperti yang disebut di atas, telah ditetapkan pada peringkat awal pelaksanaannya dan digunakan oleh semua institusi latihan diseluruh negara. Sehingga kini kita belum mengetahui samada objektif tersebut sesuai atau tidak mengikut pandangan peserta kursus. Boleh jadi ekspektasi mereka menghadiri kursus ini berlainan dari pada objektif yang digariskan. Kalau pun objektif tersebut sesuai dengan ekspektasi mereka, pihak penganjur wajar mengetahui sejauhmana objektif tersebut telah dicapai oleh peserta setelah tamat mengikuti kursus tersebut.

Keberkesanan Latihan

Manthis R.L & Jackson (1991) mentakrifkan keberkesanan latihan sebagai satu hasil perbandingan sesuatu keputusan dengan jangkaan objektif yang digariskan oleh pengurus, jurulatih dan pelatih yang terlibat dengan program latihan. Rothwell dan Kazaas (1992) pula menjelaskan bahawa keberkesanan adalah merupakan hasil daripada perbandingan antara 'output' yang diperolehi dengan 'output' yang diharapkan. Sementara Bennett (1998) pula mendefinisikan keberkesanan sebagai satu proses untuk memastikan samada hasil program tercapai seperti yang diharapkan atau sebaliknya.

Berdasarkan pendapat dan pandangan di atas dapatlah disimpulkan bahwa keberkesanan latihan adalah merupakan hasil yang diperolehi daripada sesuatu program latihan yang diadakan, samada telah mencapai objektif atau tidak. Di samping itu ianya dapat dilihat dari pelbagai perspektif. Newby (1992) mempunyai pendirian bahawa keberkesanan latihan boleh diukur dari perspektif aktiviti latihan yang dijalankan dan pengukuran pembelajaran peserta, kegiatan yang dilaksanakan oleh organisasi, usaha untuk mencapai keperluan berasaskan kepada analisa keperluan latihan, usaha peningkatan prestasi organisasi dan penekanan kepada pembangunan sumber manusia.

Banyak faedah yang diperolehi sekiranya program latihan dilaksanakan secara berkesan. Amstrong (1991) menyenaraikan faedah tersebut dari segi; (1) Meminimalkan kos pembelajaran; (2) Mempertingkatkan prestasi pencapaian individu, kumpulan dan korporat dari segi 'output', kualiti, kecerdasan dan produktiviti; (3) Meningkatkan kecekapan operasi melalui usaha melanjutkan tahap kemahiran pekerja-pekerja; (4) Memberi kepuasan bekerja melalui peningkatan pengetahuan dan kemahiran bekerja; (5) Meningkatkan komitmen pekerja apabila mereka memahami dan menghayati visi dan misi organisasi; (6) Mempercepatkan perubahan apabila pekerja menyedari keperluan tersebut ditambah pula dengan penyediaan pengetahuan dan kemahiran yang cukup; (7) Meningkatkan budaya positif dalam organisasi ke arah meningkatkan prestasi; dan (8) Menyediakan mutu perkhidmatan yang cemerlang bagi memenuhi kehendak pelanggan.

Kesimpulanya, adalah didapati latihan yang berkesan banyak memberi faedah kepada peningkatan produktiviti, kualiti dan sikap yang positif kepada pekerja. Saks (1996) dalam kajiannya mendapati bahawa semakin banyak latihan yang diterima oleh seseorang pekerja, akan meningkatkan prestasi pencapaian kerja mereka. Oleh itu pengurus atau ketua jabatan patut sentiasa membuat kajian atau penelitian ke atas kursus-kursus yang dijalankan bagi memastikan ia sentiasa berkesan demi mendapat pulangan yang membanggakan.

Pernyataan Masalah

Kerajaan telah membelanjakan peruntukan yang besar bagi mengendalikan kursus induksi. Sebagai contoh INTAN Malaysia telah membelanjakan lebih RM 2.7 juta bagi tempoh 1992 hingga 1998. Begitu juga kementerian dan agensi lain yang mengendalikan kursus induksi telah membelanjakan peruntukan yang banyak. Malahan mereka memperuntukkan peruntukan yang lebih besar daripada INTAN kerana mereka tidak mempunyai pusat latihan sendiri di mana mereka terpaksa menyewa hotel-hotel dan tempat-tempat latihan yang kadar penyewaannya agak besar. Di samping itu penglibatan pegawai yang ramai dalam mengendalikan dan memberi ceramah kepada peserta-peserta kursus di mana mereka terpaksa meninggalkan tugas asas mereka. Malahan peserta-peserta sendiri terpaksa meninggalkan pejabat dalam tempoh yang panjang iaitu lebih kurang tiga minggu untuk memenuhi kehendak kursus. Oleh yang demikian kursus yang dijalankan perlu dinilai keberkesanannya untuk menjustifikasikan segala kos dan pengorbanan yang dicurahkan. Duit yang dibelanjakan itu sebenarnya adalah duit rakyat. Lantaran itu

belanja untuk pelaksanaan kursus mestilah dibuat dengan penuh akauntabiliti. Rakyat sepatutnya diberitahu ke mana dan bagaimana duit mereka dibelanjakan. Oleh itu kajian penilaian ke atas pelaksanaan kursus ini adalah sangat penting.

Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini adalah untuk menilai keberkesanan Kursus Induksi Umum Kumpulan I yang dianjurkan oleh INTAN Kampus Wilayah Timur, Chukai Kemaman Terengganu pada tahun 1997.

Objektif Khusus

Objektif khusus kajian ini adalah:

1. Untuk menentukan setakat mana pencapaian objektif latihan.
2. Untuk membandingkan pendapat mengenai keberkesanan objektif kursus mengikut kategori peserta iaitu di antara Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Sokongan Gred 5 dan 6 serta gred-gred lain yang setaraf dengan Kumpulan B.
3. Untuk mengukur dari aspek pengetahuan, pembelajaran yang mereka perolehi daripada kursus dari aspek pengetahuan.
4. Untuk melihat sejauhmana peningkatan prestasi kerja yang diperolehi selepas menghadiri kursus ini.

5. Untuk melihat keberkesanan kursus dari segi aspek metodologi, modul, persekitaran dan kemampuan fasilitator dari pandangan peserta.
6. Untuk mendapat pandangan peserta-peserta kursus dan cadangan mereka ke arah menjadikan kursus induksi lebih bermanfaat dan praktikal.

Skop Kajian

Kajian ini akan ditumpukan kepada kursus Induksi Umum Kumpulan 1 yang dianjurkan oleh INTAN Kampus Wilayah Timur, Kemaman, Terengganu sepanjang tahun 1997. Mereka ini terdiri daripada anggota-anggota perkhidmatan awam, Kumpulan pengurusan dan profesional serta Kumpulan sokongan gred 5 dan 6 serta Gred-gred lain yang setaraf dengan Kumpulan B daripada tiga buah negeri iaitu Negeri Terengganu, Negeri Pahang dan Negeri Kelantan. Sebahagian daripada mereka adalah pegawai-pegawai yang baru dilantik dan ada juga di kalangan mereka yang dinaikkan pangkat secara lantikan. Penganalisan kajian akan memfokuskan kepada sejauh mana kursus yang dijalankan selama lebihkurang 21 hari ini dapat memberi pengetahuan, kemahiran dan menambahkan sikap positif pegawai-pegawai yang terlibat dengan dikaitkan praktikalitinya semasa menjalankan tugas di organisasi masing-masing.

Pengkaji akan memberi tumpuan kepada penilaian perubahan pembelajaran yang diperolehi oleh peserta-peserta yang mengikuti kursus induksi Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan sokongan Gred 5 dan 6 serta Gred-gred

lain yang setaraf dengan Kumpulan B. Fokus yang akan diberikan ialah mengukur pencapaian objektif latihan yang merangkumi tiga aspek iaitu apakah peserta telah mempelajari ilmu pengetahuan, apakah mereka telah mengubah sikap hasil daripada menghadiri kursus ini (Kirk Patrick 1994, Hamblin, 1974 dan Bloom 1956). Malahan Hamblin (1974) telah menegaskan bahawa penilaian pembelajaran itu membantu kita untuk membentuk dan mengubahsuai objektif program latihan yang baru pada masa hadapan. Namun begitu pengkaji juga akan mendapatkan maklumbalas berkaitan dengan 'level' pertama iaitu berkaitan dengan reaksi peserta yang merangkumi keberkesanan fasilitator, kurikulum, persekitaran dan pentadbiran kursus. Maklumat ini adalah penting kerana ianya menjadi asas dan mempunyai kaitan dengan pencapaian pembelajaran (Hamblin 1974, Frances and Roland Bee 1994). Begitu juga dengan peringkat tingkah laku akan disentuh secara tidak langsung bagi menunjukkan perkaitan yang rapat antara angkubah tersebut. Mengikut Hamblin (1994) peringkat tersebut adalah dianggap sebagai 'cause-and-effect' seperti kenyataannya yang berbunyi: "Training leads to changes in job behaviour which lead to changes in the organization which lead to changes in the achievement of ultimate goal."

Limitasi Kajian

Terdapat beberapa limitasi dalam kajian ini. Kajian hanya difokuskan kepada peserta-peserta yang mengikuti kursus induksi di INTAN Wilayah Timur, Kemaman sahaja, sedangkan kursus ini dilaksanakan oleh semua Kampus INTAN Wilayah dan juga INTAN Bukit Kiara Kuala Lumpur. Malahan terdapat banyak Kementerian dan